

Kem Pendidikan Alam Semula Jadi 2009

# Kenangan manis 3 pelajar

>>Oleh Hidayatul Akmal Ahmad

hidayatulakmal@hmetro.com.my

**P**UCHONG: "Kami tidak sangka akan jadi pemenang dalam pertandingan ini kerana semua peserta hebat dan mempunyai peluang cerah untuk menang," kata Muhammad Ruzaiman Mohd Ismail, 16, dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Agama Melor, Kota Bharu, Kelantan yang menjadi johan Kem Pendidikan Alam Semula Jadi 2009 (Kempas) di tapak perkhemahan Hutan Simpan Ayer Hitam, dekat sini, semalam.

Muhammad Ruzaiman berkata, ini kali pertama penyertaan dia dan dua rakanannya dalam kem seumpama ini.

"Sebelum ini, kami tiada pengalaman menyertai pertandingan mengenai alam

sekitar dan ia adalah satu kenangan manis buat kami dan juga sekolah," katanya.

Kemenangan itu melayakkan pasukannya membawa pulang piala pusingan, sijil penyertaan serta wang tunai RM1,000.

Katanya, antara cabaran paling sukar dalam pertandingan itu ialah menyiapkan modul dan mengenal pasti jenis tanah kerana memerlukan komitmen dan ketelitian daripada setiap peserta.

"Kami perlu membuat kajian terperinci mengenai tanah yang ada dalam hutan ini dan ia bukan satu perkara yang mudah.

"Kerjasama dan kesabaran adalah ciri utama dalam pasukan yang membolehkan kami memenangi pertandingan ini," katanya.


Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan Inovasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Abu

Bakar Salleh, berkata program yang diadakan kali ketiga itu mendapat sambutan menggalakkan daripada pelajar seluruh Malaysia.

"Diharap pertandingan yang diadakan ini bukan bertujuan untuk menjadi johan semata-mata, tetapi dapat memberi pendedahan dan peluang kepada pelajar untuk memahami dengan lebih mendalam khazanah hutan dan tanah yang amat bernilai," katanya.

Sebanyak 16 sekolah menengah dari seluruh negara dengan tiga peserta setiap pasukan terpilih menyertai kem pendidikan itu yang berlangsung sejak Isnin lalu.

Pada 2007, Kempas diperkenalkan bagi menggantikan Kuiz Sains Alam Semulajadi dan dilancarkan dengan modul yang lebih menitikberatkan kaedah kerja lapangan berkaitan kepentingan alam sekitar.



**BANGGA**  
... (dari kiri) Ruzaiman, Ilman Ziat dan Nor Hanna Halim tersenyum puas sambil melihat piala yang dimenangi.